

► PROFESOR JOSEPH CHINYONG LIOW

Sokongan antarabangsa untuk Palestin semakin kuat.

Perancis, Britain dan Canada baru-baru ini menyertai lebih 140 negara lain di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam mengiktiraf secara rasmi Negara Palestin.

Walaupun dengan segala usaha terkini untuk mendesak Israel agar menghentikan serangan ketenteraannya di Gaza dan mengekalkan harapan untuk penyelesaian dua negara, terdapat batasan kepada apa yang dapat dicapai oleh “diplomasi pengiktirafan”.

Kenyataan pahitnya adalah, prospek bagi penyelesaian damai lebih cenderung bergantung kepada tindakan tiga pihak utama dalam cerita yang menyedihkan ini: Israel, Amerika Syarikat, dan Palestin.

Masalahnya adalah dalam ketiga-tiga kes ini, faktor domestik menghalang perubahan strategi, dasar, dan peranan yang diperlukan untuk mengubah realiti di Palestin.

Dalam kes Israel, tekanan diplomatik sebenarnya memberi kesan sebaliknya, dengan mengukuhkan lagi tekad pemerintahan Perdana Menteri Israel, Encik Benjamin Netanyahu.

Dalam satu ucapan penuh kemarahan di Perhimpunan Agung PBB, Encik Netanyahu berikrar menghalang penubuhan Negara Palestin dan bagi “menyelesaikan tugas terhadap” Hamas susulan serangan mereka pada 7 Oktober 2023.

Sejak itu, tindak balas ketenteraan Israel telah memusnahkan banyak kawasan Gaza dan meragut puluhan ribu nyawa.

“Israel tidak akan membenarkan anda memaksa kami menerima negara pengganas,” kata Encik Netanyahu terhadap gelombang diplomatik terkini di PBB.

“Kami tidak akan membunuh negara kami sendiri hanya kerana anda tidak berani berhadapan dengan asakan media dan kumpulan anti-Yahudi yang menuntut darah Israel.”

Walaupun kecaman sejagat semakin meningkat, Encik Netanyahu terus mendapat sokongan pentadbiran Presiden Amerika Syarikat, Encik Donald Trump.

Sokongan Amerika sangat penting. Amerika bukan sahaja pembekal utama senjata Israel dan sumber bantuan ekonomi, malah ia juga memberikan perlindungan diplomatik.

Secara kritikal, walaupun semakin banyak negara mengisytiharkan sokongan dan mengiktiraf Negara Palestin, kesannya hanya bersifat simbolik.

Keanggotaan penuh PBB masih perlu mendapat kelulusan Majlis Keselamatan PBB.

Dan di sinilah Amerika mempunyai kuasa veto atau kuasa pembatal.

Di pihak Palestin, tidak diragui Hamas berada di bawah tekanan ketenteraan dan politik yang berat, namun ia masih tetap tegar dan berperang.

Pengesahan Presiden Mahmoud Abbas dari Fatah, pesaing utama Hamas, telah merosot dalam kalangan rakyat Palestin sejak beberapa tahun lalu.

Ia menimbulkan keraguan sama ada mereka boleh menjadi pilihan pemerintah masa depan Palestin.

PENYELESAIAN DUA NEGARA

Sejak Perjanjian Oslo 1993, masyarakat antarabangsa berharap sejarah Timur Tengah akan bergerak ke arah penyelesaian dua negara, yang membuka jalan bagi Negara Palestin hidup berdampingan dengan Israel dalam keamanan dan keselamatan.

Dalam tempoh 30 tahun kemudian, kita semakin jauh daripada harapan tersebut.

Encik Netanyahu, yang memulakan penggal pertama pada 1996, tidak pernah menyokong penyelesaian dua negara, walaupun pada masa lalu beliau menyatakan bersedia untuk mempertimbangkannya dengan syarat tertentu.

Namun kini, di puncak gabungan pemerintahan yang merangkumi beberapa parti sayap kanan, Encik Netanyahu telah mengukuhkan pandangannya.

Walaupun mendapat tentangan daripada panglima tentera, beliau telah

Pengiktirafan antarabangsa sahaja tidak berupaya bebaskan Palestin

Kunci keamanan bagi akhiri kebuntuan bergantung pada Amerika, Israel dan Palestin



Selepas undian 42-10 (12 berkecuali) mengenai Palestin di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 12 September, hampir ada kesepakatan bersama di peringkat sejagat bahawa Hamas, yang menguasai Gaza, tidak boleh terlibat dalam masa depan Palestin. – Foto REUTERS



Sokongan Amerika sangat penting. Amerika bukan sahaja pembekal utama senjata Israel dan sumber bantuan ekonomi, malah ia juga memberikan perlindungan diplomatik. Secara kritikal, walaupun semakin banyak negara mengisytiharkan sokongan dan mengiktiraf Negara Palestin, kesannya hanya bersifat simbolik. Keanggotaan penuh PBB masih perlu mendapat kelulusan Majlis Keselamatan PBB. Dan di sinilah Amerika mempunyai kuasa veto atau kuasa pembatal.

– Penulis.

tenteraan untuk mengubah fakta geo-strategik di kejirannya.

Ia termasuk melemahkan Hamas, memusnahkan Hezbollah di Lebanon, merosakkan kemudahan nuklear Iran, menyerang Syria, mengebom sasaran Houthi di Yaman, dan memburu pemimpin Hamas di Qatar.

Ini bukan bermakna terdapat persetujuan bersama di Israel mengenai dasar pentadbiran Encik Netanyahu.

Selainnya, terdapat perdebatan do-

mestik yang berterusan mengenai isu seperti menyelamatkan baki tebusan, cara pengendalian perang di Gaza, pemilihan paksa Tebing Barat, dan operasi ketenteraan yang memusnahkan, sekali gus memberi kesan pada kedudukan Israel di peringkat antarabangsa.

Suara-suara pembangkang turut mengkritik pengaruh besar ahli politik sayap kanan dalam gabungan pemerintah dan mengecam Encik Netanyahu kerana melanjutkan peperangan Gaza de-

mi kepentingan sendiri.

Sebagai tindak balas terhadap ucapan Encik Netanyahu di PBB, pemimpin parti Demokrat di Israel yang juga mantan jeneral, Encik Yair Golan, mengkritiknya kerana hanya mempamerkan “kebencian, keangkuhan dan sikap membutakan mata sepenuhnya terhadap penderitaan tebusan dan pengorbanan pejuang-pejuang”.

Walaupun ada perdebatan, keadaan politik di Israel tidak nampak memberi

kesan besar terhadap tindakan pemerintah di Gaza.

PERANAN AMERIKA SYARIKAT

Ketegasan Encik Netanyahu diperkukuh oleh sokongan Encik Trump.

Walaupun ada perubahan pandangan di Amerika akibat tragedi kemanusiaan di Gaza, Encik Trump masih menganggap pengiktirafan Palestin sebagai “hadiah” kepada kekejaman Hamas.

Walaupun Encik Trump memberi jaminan kepada pemimpin Arab beliau akan menghalang pemilikan paksa wilayah Tebing Barat oleh Israel, dengan banyak perubahan mendadak yang beliau buat terhadap Ukraine, tarif dan perkara-perkara lain, orang ramai harus berwaspada terhadap kata-katanya.

Pada akhirnya, perkara yang lebih besar adalah: Walaupun Amerika mungkin mendapati dirinya terasing di peringkat antarabangsa kerana pendiriannya terhadap konflik Palestin-Israel, ini bukanlah sesuatu yang mengganggu seorang Presiden yang ikonik.

KEPIMPINAN PALESTIN

Selepas undian besar-besaran 42-10 (dengan 12 berkecuali) mengenai Palestin di PBB pada 12 September, kini hampir terdapat kesepakatan di peringkat sejagat bahawa Hamas, yang menguasai Gaza, tidak boleh mempunyai peranan dalam masa depan Palestin.

Namun, Hamas nampaknya tidak menerima mesej itu.

Tiada tanda-tanda ia akan pergi dalam masa terdekat atau bersedia menerima kewujudan Israel, syarat penting untuk penyelesaian dua negara.

Dalam satu wawancara dengan CNN sehari sebelum Encik Netanyahu berucap di PBB, pegawai kanan Hamas, Encik Ghazi Hamad, berkata:

“Anda tahu apakah manfaat 7 Oktober sekarang? Jika anda lihat pada Perhimpunan Agung semalam, apabila sekitar 194 orang membuka mata dan melihat kekejaman Israel, dan mereka mengutuk Israel. Kami telah menunggu saat ini selama 77 tahun.”

Sementara itu, bantahan di Gaza terhadap Hamas pada awal 2025 telah disekat.

Pemberontak Palestin, Encik Uday Rabie, dilaporkan diseksa hingga mati pada April oleh Briged al-Qassam, sayap bersenjata Hamas, kerana mengkritik kumpulan militan dan penglibatannya dalam bantahan tersebut.

Adakah ada alternatif kepada Hamas?

Pada masa ini, satu-satunya pilihan realistik adalah Fatah, parti berhaluan tengah-kiri yang kini mentadbir Wilayah Palestin di Tebing Barat.

Pemusuhan antara Fatah dengan Hamas memang dikenali.

Pada 2006, Hamas mengalahkan Fatah dan beberapa parti sekular lain untuk menguasai Penguasa Kebangsaan Palestin, sebuah badan perundangan yang diharapkan untuk Palestin, selepas mereka segera melaksanakan hukuman mati atau memenjarakan ramai pemimpin Fatah di Gaza.

Salah satu sebab yang menyebabkan kebangkitan Hamas – yang berjaya memenangi undi orang Kristian Palestin pada 2006 – adalah kekurangan penyokong Fatah.

Menurut kebanyakan sumber, pengesahan terhadap Fatah semakin merosot sejak itu.

Sebagai entiti politik dan pemerintahan, Fatah terus dibelenggu perpecahan, rasuah, dan ketidakcekapan.

Parti ini terus dikuasai oleh kalangan veteran yang sudah berumur dan dengan itu, ia berjuang untuk menarik perhatian generasi baru rakyat Palestin.

Walaupun diplomasi pengiktirafan di PBB mendapat perhatian besar dan mencetuskan gelombang hakikatnya ia tidak memberi kesan mendalam kerana pihak utama dalam konflik Palestin-Israel masih terperangkap dalam pola tindakan lama dan kitaran pembalasan.

Apabila bercakap tentang Palestin dan Israel, optimisme adalah perkara yang jarang serta berharga.

Malangnya, keadaan sekarang menjadikannya hampir mustahil.

► Penulis ialah Pengerusi Institut Timur Tengah, Universiti Nasional Singapura (NUS).